

Malaysia, AS kaji wujud institut antikeganasan

BH 31 JUL 2002

PUTRAJAYA, Selasa - Malaysia dan Amerika Syarikat mengkaji kemungkinan menubuhkan pusat serantau seperti institut di sini, bagi menyelaraskan semua kegiatan antikeganasan.

Cadangan itu dikemukakan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Colin Powell ketika merakamkan penghargaannya kepada Malaysia kerana memainkan peranan positif dalam memerangi keganasan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata pusat seumpama itu akan menjadi wadah perbincangan mengenai kaedah terbaik menangani keganasan, yang akan dikendalikan bersama oleh Washington dan Kuala Lumpur.

"Mereka bertanya mengenai kemungkinan meningkatkan kerjasama untuk menjadikan Malaysia sebuah pusat serantau bagi aktiviti membanteras keganasan. Ia mungkin sebuah badan seperti institut yang akan menjadi pusat perbincangan dan pertimbangan," katanya selepas mengadakan pertemuan

dengan Powell di pejabatnya di sini, hari ini.

Sebelum itu, Powell mengunjungi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pejabat Perdana Menteri dan menemui Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pada pertemuan selama 40 minit, Dr Mahathir dan Powell membincangkan pelbagai isu dua hala. Turut hadir dalam pertemuan itu ialah Syed Hamid dan Duta Amerika ke Malaysia, Marie Huhtala.

Powell yang tiba di ibu negara dari Bangkok malam tadi, berlepas ke Singapura tengah hari ini, dalam perjalanan ke Bandar Seri Begawan, Brunei untuk menghadiri Forum Serantau Asean (ARF) di mana Amerika dan Asean dijangka meluluskan deklarasi antikeganasan.

Selepas mesyuarat ARF, Powell akan ke Indonesia dan Filipina sebelum mengakhiri kunjungan diplomatiknya ke rantau ini.

Syed Hamid berkata, Powell, yang begitu kagum dengan kemajuan pesat di

negara ini berpendapat Malaysia adalah rakan yang amat berguna kerana muncul antara sebilangan kecil negara di Asia Tenggara mempunyai kedudukan ekonomi kukuh.

"Rakyat bersatu padu, wujud kestabilan politik dan negara maju. Dalam amalan Islam juga, Malaysia dilihat sebagai negara Islam yang sederhana tetapi maju. Jadi saya berpendapat, Amerika memerlukan rakan jenis ini di rantau ini," katanya.

Terdahulu pada sidang akhbar bersama Powell, Syed Hamid berkata kedua-dua negara akan mengkaji kerjasama khusus untuk meningkatkan usaha memerangi keganasan.

"Kita sudah mengadakan kerjasama yang berkesan dan mantap. Kami sangat gembira dengan hubungan itu dan kini meninjau bidang kerjasama khusus. Kami mengharapkan mempunyai sesuatu yang signifikan antara Amerika dan Malaysia di mana kita boleh mengambil bahagian dalam forum serantau bagi

bertukar pendapat," katanya.

Powell berterima kasih kepada Dr Mahathir dan Abdullah kerana memberi layanan baik serta menyifatkan pertemuan dengan mereka sebagai amat berguna.

"Kami berbincang isu dua hala, serantau dan isu dagangan serta beberapa isu lain yang mempunyai kepentingan bersama. Saya sudah lama menunggu lawatan ini dan singgah di sini dalam perjalanan menghadiri mesyuarat ARF," katanya.

Sidang akhbar bersama itu turut dihadiri 13 wartawan Amerika Syarikat yang datang bersama rombongan Powell selain wartawan tempatan yang bertugas dengan agensi berita asing.

Menjawab soalan wartawan agensi asing, Powell mengesahkan beliau membangkitkan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan Hak Asasi Manusia ketika menemui Perdana Menteri.

Beliau juga mengesahkan seorang pegawai kannya turut menemui isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail. Penolong Setiausaha Amerika Syarikat, James Kelly dikatakan menemui Wan Azizah pagi ini.

Syed Hamid pula menjejaskan, Malaysia meletakkan soal hak asasi manusia sebagai penting, tetapi pada masa sama melihat dari sudut kepentingan negara.

"Kita menjelaskan bahawa kita tidak pernah

menggunakan ISA untuk mengecewakan parti lawan, tetapi digunakan bagi menjamin keamanan dan kestabilan negara dilindungi. Jika sesiapa mengambill tindakan yang menjejaskan keselamatan, kita akan bertindak," katanya.